

Kaji punca banjir di kawasan pertanian

KEMAMAN – Jabatan Pertanian bersama beberapa pihak berkaitan akan melakukan kajian berhubung banjir besar di kawasan pertanian di sepanjang pesisir Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) terutama berhampiran sungai.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri, Ir. Rosli Othman berkata, selepas kajian selesai dibuat, satu cadangan akan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk membina pembetulan bersaiz besar.

Katanya, projek pembinaan itu penting bagi menyalurkan aliran air banjir yang bertakung di kawasan pertanian.

“Pembinaan LPT2 sebelum ini direka bentuk dengan mengambil kira faktor taburan hujan bagi mengelak banjir terutama melibatkan kawasan pertanian milik penduduk dan syarikat tertentu.

“Ekoran daripada banjir besar yang berlaku seperti hujung tahun lalu, banyak tanaman petani terbabit ditenggelami air menyebabkan kerugian besar,” katanya ketika merasmikan program Hari Ladang peringkat Kemaman di sini semalam. - Bernama